



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 2 2026



ISI KANDUNGAN



- Amanat YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri Bersama Warga Perbadanan Putrajaya	3
- Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Perbadanan Putrajaya 2025	4
- Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1448/2026	5
- Putrajaya Aktif 2026 Digerakkan : Program Komuniti Sepanjang Tahun Untuk Gaya Hidup Sihat	9
- Majlis Pelancaran Program Kelas Bahasa Anjuran Pusat Pembelajaran Kejiranan Perbadanan Putrajaya	10
- Perasmian Program Tuition Mission Putrajaya (TMP) Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya 2026	11
- Lawatan Teknikal Perbadanan Putrajaya (PPj) Ke Menara Merdeka 118, Kuala Lumpur	12
- Majlis Perasmian Tapak Perkhemahan Taman Wetland Putrajaya	16
- Program Kayuhan Rentasi Taman Putrajaya 2026 dan Majlis Perasmian Event Hall	18
- Program Santuni Madani Siri 1 Perbanan Putrajaya Di Kampung Batu Sawar, Temerloh, Pahang	19
- Lawatan YB Hannah Yeoh, Menteri di Jabatan Perdana Menteri ke Kompleks Perkuburan Putrajaya	21

PERTANYAAN

Sidang redaksi Perbadanan Putrajaya mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada :

ppjonline@ppj.gov.my



Buletin PPj,
Seksyen Portal & Multimedia
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi,
Jabatan Perkhidmatan Korporat,
Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana,
Presint 3, 62675 Putrajaya.

my PUTRAJAYA



Untuk maklumat lanjut, sila layari:



www.ppj.gov.my



Facebook/putrajaya



Twitter@putrajayacorp



Youtube/perbadananputrajaya



Instagram/perbadananputrajaya

Amanat YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri Bersama Warga Perbadanan Putrajaya



Majlis Amanat YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Puan Hannah Yeoh bersama warga Perbadanan Putrajaya telah berlangsung pada 11 Jun 2026 di Auditorium Tan Sri Zainal Abidin, Kompleks Perbadanan Putrajaya.

Majlis ini menjadi platform bagi memperkukuh hala tuju organisasi. Amanat yang disampaikan menjadi panduan serta pemangkin kepada seluruh warga kerja untuk terus memperkukuh komitmen, meningkatkan kualiti dan semangat kerja berpasukan warga PPj dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada Masyarakat dan penduduk di Putrajaya khususnya.





Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Perbadanan Putrajaya 2025

Majlis Perhimpunan Warga Perbadanan Putrajaya & Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2025 telah berlangsung pada 24 April 2026 di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya dengan penuh penghargaan dan kebanggaan.

Seramai 76 warga kerja Perbadanan Putrajaya telah Berjaya menerima APC sebagai pengiktirafan terhadap dedikasi, komitmen dan prestasi cemerlang sepanjang tahun 2025.

Turut membanggakan, seorang pegawai telah dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) 2025 atas sumbangan luar biasa serta komitmen tinggi dalam melaksanakan tugas luar.

Tahniah kepada semua penerima dan teruskan kecemerlangan demi perkhidmatan yang terbaik.





SAMBUTAN MAAL HURAH PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1448/2026

Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Nazrin Shah berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1448H/2026M di Masjid Putra, Putrajaya pada 17 Jun 2026.

Turut hadir bersama, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Dr Zulkifli Hasan, YBhg.Datuk Mohd Azhan bin Md Amir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Perpaduan Negara dan beberapa delegasi Kementerian Perpaduan Negara.

Bertemakan "MADANI Dihayati, Ummah Diberkati", Rektor UIAM merangkap Ahli Falsafah Muslim Profesor Emeritus Datuk Dr Osman Bakar dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan manakala Pakar Fiqah Islam dari Maghribi Dr Ahmad Al-Raysuni diumumkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Antarabangsa bagi tahun 1448H.

Anugerah berprestij ini mengiktiraf individu yang memenuhi kriteria tertentu, termasuk mempunyai pengetahuan luas dalam bidang masing-masing, sahsiah terpuji serta sumbangan cemerlang terhadap pembangunan Islam di peringkat domestik mahupun antarabangsa.





Kunjungan Hormat Dari Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kota Kinabalu Ke Perbadanan Putrajaya

YBhg. Dato' Presiden PPj telah menerima kunjungan hormat daripada Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Dato' Sri Dr. Hj. Sabin bin Samitah ke Kompleks Perbadanan Putrajaya.

Pertemuan tersebut memberi fokus dalam pengurusan pemprosesan pelan (Pelan Pembangunan, Pelan Bangunan, Pelan Infrastruktur, Pelan Kejuruteraan dan Pelan Landskap) secara Digital yang telah disampaikan oleh Encik Norazle bin Abd Malek, Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar, PPj.

Kunjungan ini mencerminkan komitmen berterusan dalam memperkukuh kerjasama strategik antara pihak berkuasa tempatan ke arah pembangunan bandar yang lebih mampan, efisien dan berdaya tahan.



Kunjungan Hormat Presiden PPJ Kepada Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

Kunjungan hormat oleh Dato' Hj. Mohd Sakeri bin Abdul Kadir, Presiden Perbadanan Putrajaya kepada YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah membincangkan tiga agenda utama berkaitan tadbir urus bandaraya, khususnya bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Pertemuan ini merupakan pertumuan yang pertama sejak Dato' Hj. Mohd Sakeri dilantik sebagai Presiden Perbadanan Putrajaya.



Car Free Day Putrajaya Edisi April 2026



Car Free Day (CFD) Putrajaya Edisi April 2026 dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Wilayah Persekutuan Putrajaya telah berlangsung pada 12 April 2026 di Dataran Putrajaya, Presint 3.

Majlis pelepasan peserta Raya Run telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Sakeri bin Abdul Kadir, Presiden Perbadanan Putrajaya bersama YBhg. Dato' Ruslin bin Jusoh, Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan WP Putrajaya.

Pelbagai aktiviti turut disajikan untuk semua pengunjung CFD bulan ini antaranya pameran antidadah, permainan interaktif dan pendaftaran sukarelawan AADK. *Car Free Day* Putrajaya merupakan inisiatif bulanan yang dianjurkan pada minggu kedua hari Ahad bagi menggalakkan amalan gaya hidup sihat serta mengeratkan hubungan kekeluargaan melalui aktiviti riadah.

Perbadanan Putrajaya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Agensi Antidadah Kebangsaan W.P. Putrajaya atas kerjasama strategik dalam menjayakan *Car Free Day* Putrajaya Edisi April 2026.



PUTRAJAYA AKTIF 2026 DIGERAKKAN: PROGRAM KOMUNITI SEPANJANG TAHUN UNTUK GAYA HIDUP SIHAT



Program Putrajaya Aktif 2026 telah dilancarkan sebagai gerakan komuniti berskala besar bagi membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan warga Putrajaya melalui pelaksanaan 40 sesi aktiviti sepanjang tahun melibatkan lompat tali, sepak takraw dan senaman aerobik di beberapa lokasi komuniti terpilih.

Majlis pelancaran diadakan bersempena Program Putrajaya *Car Free Day* di Dataran Putrajaya yang menghimpunkan hampir 2,000 peserta.

Majlis peluncuran Putrajaya Aktif 2026 telah disempurnakan oleh YB Hannah Yeoh, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan). Antara 3 jenis sukan yang turut diketengahkan adalah Lompat Tali, Sepak Raga Bulat dan Senam Aerobik.

Program ini diharap terus memperkasa budaya bersukan dan gaya hidup aktif serta sihat di kalangan komuniti khususnya di Putrajaya.



Pelancaran Program Kelas Bahasa Anjuran Pusat Pembelajaran Kejiranan Perbadanan Putrajaya



Perbadanan Putrajaya (PPj) terus memperkukuh usaha melahirkan generasi muda yang berdaya saing melalui penguasaan pelbagai bahasa antarabangsa selari dengan aspirasi Kerajaan MADANI untuk membina rakyat yang kompeten pada peringkat global tanpa mengabaikan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta nilai budaya masyarakat Malaysia.

Menurut YB Hannah Yeoh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), sejak diperkenalkan pada tahun 2010, program kelas bahasa anjuran PPj telah memberikan manfaat kepada sebanyak 570 peserta dalam kalangan warga Putrajaya. Inisiatif ini dilaksanakan dengan kos minimum kepada peserta kerana kos sebenar pembelajaran termasuk elaun tenaga pengajar dan pengurusan latihan ditanggung oleh PPj.

Untuk tahun 2026, program ini diperluaskan dengan pelaksanaan dua kohort, iaitu kohort pertama bermula pada 11 April 2026 hingga 16 Jun 2026, manakala kohort kedua bermula pada 11 Julai 2026 hingga 26 September 2026 yang dijangka dapat dimanfaatkan oleh 240 peserta.

Kelas Bahasa ini merangkumi bahasa Inggeris, bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Korea. Kelas diadakan pada

setiap hujung minggu selama lapan sesi di empat Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK) Putrajaya iaitu PPK presint 8 bagi bahasa Mandarin, PPK Presint 9 bagi bahasa Inggeris, PPK Presint 11 bagi bahasa Arab dan PPK Presint 16 bagi bahasa Korea.

Program ini menyasarkan penyertaan kanak-kanak dan remaja berumur 7 tahun ke atas dan bagi memastikan komitmen peserta, bayaran pendaftaran dikenakan pada kadar minimum RM20 bagi setiap bahasa dan kohort.

PPj sedang berkerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi meneroka pengiktirafan sijil penyertaan program ini sebagai sebahagian daripada aktiviti sokongan dalam Pentaksiran Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PJSK).

PPj turut mengalu-alukan penglibatan sektor swasta dalam usaha memperkukuh Pembangunan komuniti. Pada tahun ini, Carsome Sdn. Bhd. Tampil sebagai rakan strategik dengan sumbangan berjumlah RM40,000.00 bagi menjayakan inisiatif ini.



Perasmian Program Tuition Mission Putrajaya (TMP) Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya 2026

Majlis Perasmian Tuition Mission Putrajaya 2026 (TMP 2026) telah disempurnakan dengan jayanya oleh YB Hannah Yeoh, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) pada 22 April 2026.

Turut sama pada majlis ini adalah YBhg. Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain, Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, YBhg. Dato' Hj. Mohd Sakeri Abdul Kadir, Presiden PPj, YBrs. Encik Nadimin Abdul Aziz, Pengarah JPWPP dan YBhg. Datuk Ahmad Faisal Abdul Karim, Pengerusi MPPWP Putrajaya.

Program ini merupakan satu langkah ke hadapan dalam memastikan akses pendidikan yang inklusif dan menyeluruh untuk semua pelajar.

TMP 2026 adalah bagi membantu pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah mendapatkan akses kelas tambahan berkualiti secara percuma, diteruskan pada tahun ini dengan sasaran penyertaan seramai 150 pelajar daripada sembilan buah sekolah menengah harian di sini. Seramai 20 guru berpengalaman dilantik sebagai tenaga pengajar dan pembimbing yang turut menyediakan modul pembelajaran khusus untuk kegunaan pelajar sepanjang program berkenaan.

Pelajar akan mengikuti kelas bagi empat subjek teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah secara fizikal di Kompleks Kejiranan Presint 16, pada setiap Selasa dan Khamis bermula 5 Mei 2026 hingga 18 Oktober 2026.

TMP 2026 menyediakan kelas tambahan berkualiti khususnya dalam subjek teras seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah. Berdasarkan keputusan SPM 2025 yang lalu, inisiatif TMP sekali lagi menunjukkan impak positif apabila empat pelajar memperoleh keputusan 9A dan seorang pelajar memperoleh 8A.



Kesemua peserta TMP 2025 layak menerima sijil SPM. Jumlah gred cemerlang (A+, A dan A-) pula meningkat 23 peratus kepada 161 calon berbanding 138 calon pada SPM 2024. Manakala kadar kelulusan keseluruhan turut meningkat sebanyak 8.3 peratus.

Sebanyak RM150,000 diperuntukkan bagi program yang dianjurkan setiap tahun oleh PPj dengan sokongan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan kerjasama strategik daripada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Melalui pendekatan berfokus, TMP 2026 menasaskan pencapaian 100 peratus lulus dalam peperiksaan SPM di kalangan peserta. Program ini akan memastikan setiap pelajar mencapai gred A atau sekurang-kurangnya gred C bagi semua subjek yang diambil.

Pengisian TMP 2026 juga merangkumi Program Kembara Ilmu, kelas tuisyen mingguan, lawatan ke universiti tempatan dan program pecutan akhir SPM. Selain itu, program baharu pembelajaran luar kelas juga turut diperkenalkan.



LAWATAN TEKNIKAL PERBADANAN PUTRAJAYA (PPj) KE MENARA MERDEKA 118, KUALA LUMPUR



Delegasi Perbadanan Putrajaya (PPj) telah mengadakan lawatan rasmi ke Menara Merdeka 118 yang diketuai oleh Presiden PPj YBhg. Dato' Hj. Mohd Sakeri bin Abdul Kadir. Lawatan julung kali ini diadakan sebagai platform perkongsian ilmu dan pengalaman di samping membuka ruang kepada pertukaran idea dan pandangan dalam aspek teknologi pembinaan khususnya Building Information Modeling (BIM), pengurusan fasiliti, pembangunan bandar mampan serta pelancongan bandar.

Selain memperkukuh hubungan strategik antara kedua-dua pihak, lawatan ini juga diharap dapat menjadi pemangkin kepada jalinan kerjasama yang lebih erat serta menyokong aspirasi pembangunan bandar pintar pada masa hadapan.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif PNB Ventures Sdn. Bhd., YBhg. Datuk Ir. Ts. Izwan Hasli bin Mohd Ibrahim, RSP Architects dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan lawatan ini.



SESI TANDATANGAN MOU INSEKTARIUM WOLBACHIA PUTRAJAYA

Perbadanan Putrajaya dan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi pengoperasian Insektarium Wolbachia Putrajaya pada 13 April 2026.

MoU tersebut telah ditandatangani oleh YBhg. Dato' Mohd Sakeri bin Abdul Kadir, Presiden Perbadanan Putrajaya dan YBhg. Datin Dr. Haliza binti Haji Abdul Manaf, Pengarah Kesihatan Negeri Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya.

Majlis tersebut turut disaksikan oleh Tuan Haji Nik Shukri bin Nik Soh, Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Dr. Rozita binti Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam), serta dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada kedua-dua agensi.

Inisiatif ini menyokong usaha kawalan denggi di Putrajaya melalui pelaksanaan teknologi Wolbachia, selaras dengan komitmen berterusan dalam memastikan persekitaran yang sihat dan sejahtera untuk komuniti.

Insektarium Wolbachia Putrajaya telah mula beroperasi sejak 1 Ogos 2025 sebagai sebahagian daripada pendekatan berasaskan inovasi dalam pengurusan kesihatan awam di bandar ini.





LAWATAN YB MENTERI KE FASILITI INSEKTARIUM WOLBACHIA PUTRAJAYA

YB Puan Hannah Yeoh, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), hari ini telah mengadakan lawatan ke Fasiliti Insektarium Wolbachia Wilayah Persekutuan Putrajaya bagi meninjau sendiri pengoperasian fasiliti serta pelaksanaan teknologi Wolbachia dalam usaha menangani penularan demam denggi, khususnya di Putrajaya.

Lawatan ini merupakan kunjungan pertama beliau ke fasiliti berkenaan dan mencerminkan perhatian kerajaan terhadap usaha memperkukuh kawalan penyakit bawaan vektor demi kesejahteraan masyarakat.

Fasiliti ini telah dirasmikan pada 15 Disember 2025 dan kini berperanan sebagai komponen penting dalam pelaksanaan kawalan denggi secara inovatif, berkesan dan mampan.

Pembangunan insektarium ini merupakan salah satu inisiatif di bawah Jawatankuasa *Task Force* Kesihatan Wilayah Persekutuan Putrajaya melalui kerjasama strategik antara Perbadanan Putrajaya dan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya bagi memperkukuh kawalan vektor secara menyeluruh melalui pendekatan berasaskan sains dan teknologi demi manfaat komuniti Putrajaya.



SESI PEMBENTANGAN LAPORAN DRAF RANCANGAN STRUKTUR PUTRAJAYA 2050 (DRSP50)

YB Hannah Yeoh, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), telah mempengerusikan Sesi Pembentangan Laporan Draf Rancangan Struktur Putrajaya 2050 (DRSP50) yang menjadi medan penting dalam meneliti perancangan pembangunan masa hadapan bandar WP Putrajaya secara menyeluruh, merangkumi aspek fizikal, ekonomi, sosial dan kelestarian alam sekitar, selaras dengan aspirasi untuk memperkukuh WP Putrajaya sebagai sebuah bandar pintar, mampan serta berdaya huni menjelang tahun 2050.

Sesi ini merupakan langkah penting dalam merangka hala tuju pembangunan jangka panjang WP Putrajaya sebagai bandar pintar, mampan dan berdaya huni, selaras dengan aspirasi negara menjelang tahun 2050. Pembentangan ini turut menjadi platform perbincangan strategik bagi memastikan perancangan bandar yang lebih tersusun, inklusif serta memenuhi keperluan masa depan warga Putrajaya.

DRSP50 memfokuskan pembangunan Putrajaya ke arah "Putrajaya Visionari Bandaraya Pintar" melalui 7 Teras, 17 Polisi dan 59 Hala Tuju Strategik bagi memastikan pembangunan bandar yang holistik, mampan, inklusif dan berdaya saing.

Turut hadir dalam sesi pembentangan tersebut ialah YBhg. Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain, Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, YBhg. Dato' Haji Mohd Sakeri Abdul Kadir, Presiden Perbadanan Putrajaya, bersama pegawai kanan Perbadanan Putrajaya.





Majlis Perasmian Tapak Perkhemahan Taman Wetland Putrajaya

Tapak Perkhemahan Taman Wetland Presint 13, Putrajaya yang dinaiktaraf kini menawarkan pengalaman rekreasi dalam bandar dengan kemudahan yang lebih selesa, selamat dan mesra keluarga selaras dengan aspirasi menjadikan Putrajaya sebagai bandar raya hijau dan berdaya huni.

Majlis Perasmian Tapak Perkhemahan Taman Wetland Putrajaya telah disempurnakan oleh YB Puan Hannah Yeoh, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) diiringi YBhg. Datuk Muhammad Azmi Bin Mohd Zain, Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan dan YBhg. Dato' Haji Mohd Sakeri bin Abdul Kadir, Presiden Perbadanan Putrajaya.

Pembukaan tapak perkhemahan ini menjadi satu lagi tarikan rekreasi baharu buat warga kota yang ingin menikmati pengalaman camping dalam suasana alam semula jadi tanpa perlu keluar jauh dari bandar. Sejumlah 48 buah khemah disediakan pada tapak perkhemahan berkeluasan 5,210 meter persegi tersebut yang mampu menampung antara 120 hingga 200 pengunjung pada satu-satu masa.

Pengunjung turut boleh menyewa khemah serta kelengkapan lain seperti kerusi, katil dan lampu, manakala operator dilantik oleh Perbadanan Putrajaya menawarkan

inisiatif "weekday discount" bagi mereka yang ingin menikmati suasana lebih tenang dan kurang sesak.

Antara kemudahan lain yang disediakan termasuk tandas, bilik mandi, surau, bekalan elektrik, kawasan parkir, dewan makan serta ruang terbuka untuk pelbagai aktiviti komuniti dan kekeluargaan.

Pengunjung juga boleh mencuba aktiviti riadah seperti ATV, berbasikal, *flying fox*, *wall climbing*, *abseiling*, *leap of faith* dan *jungle trekking*, selain dual zipline sepanjang 420 meter yang diiktiraf *Malaysia Book of Records* sebagai "*Longest Parallel Double Zipline*" di Malaysia.



MESYUARAT JAWATANKUASA PENCAHAYAAN PERBANDARAN PUTRAJAYA DAN PAPAN TANDA NAMA BANGUNAN

Perbadanan Putrajaya telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pencahayaan Perbandaran dan Papan Tanda Putrajaya (JKPPPT Bil.1/2026) yang membincangkan berkaitan aplikasi garis panduan *Putrajaya Lighting Masterplan* (PLMP) dan *Signage Advertisement Design Guideline* (SADG).



Mesyuarat yang telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Hj. Mohd Sakeri bin Abdul Kadir selaku Presiden Perbadanan Putrajaya dan dihadiri oleh lebih 80 orang wakil daripada berbagai kementerian dan jabatan kerajaan, agensi teknikal luar serta agensi swasta.

Antara fokus utama perbincangan adalah berkaitan status pencahayaan perbandaran Putrajaya yang merangkumi pencahayaan fasad-fasad bangunan kerajaan dan komersil di Putrajaya, analisa laporan pemantauan pencahayaan serta papan tanda nama secara berkala, di samping cadangan penambahbaikan pencahayaan perbandaran Putrajaya di masa akan datang.

Mesyuarat turut membincangkan langkah-langkah mitigasi penjimatan tenaga sejajar dengan aspirasi dan seruan Kerajaan ke arah pengurusan bandar yang lebih mampan tenaga, efisien dan berdaya huni. Usaha berterusan ini mencerminkan komitmen dan kesungguhan rapi Perbadanan Putrajaya dalam memastikan pembangunan perbandaran yang terancang, teratur, berkualiti serta beridentitikan bandar pintar dan lestari di samping memartabatkan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Malaysia yang bertaraf dunia.





Program Kayuhan Rentasi Taman Putrajaya 2026 & Majlis Perasmian Event Hall

Bersempena ulang tahun ke-30 Putrajaya, lebih dari 1,300 peserta tempatan dan antarabangsa berhimpun memeriahkan dua acara utama iaitu Kejohanan Rogaining Antarabangsa Putrajaya 2026 dan Kayuhan Rentasi Taman Putrajaya (PIPR) Siri-36 pada 26 April 2026 di Anjung Floria Putrajaya, Presint 4.

Daripada cabaran navigasi lasak hingga kayuhan santai merentasi taman dan pesisiran tasik, acara ini bukan sahaja menguji ketahanan fizikal, malah mengangkat Putrajaya sebagai “active park” yang menyokong gaya hidup sihat, aktif dan inklusif.

Turut berlangsung, Majlis Perasmian Dewan Acara Putrajaya oleh YB Hannah Yeoh, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) bagi memperkukuh lagi kedudukan Putrajaya sebagai destinasi utama penganjuran acara bertaraf antarabangsa.

Pelbagai pengisian menarik turut memeriahkan suasana seperti aktiviti Program Taman Aktif Putrajaya (PAP) di Anjung Floria yang dipenuhi pelbagai aktiviti santai dan riadah dengan penyertaan lebih 200 pelajar dan komuniti, manakala People’s Market dan People’s Picnic menjadi tumpuan dengan pelbagai jualan menarik dan suasana hujung minggu yang meriah.



PROGRAM SANTUNI MADANI SIRI 1 PERBADANAN PUTRAJAYA DI KAMPUNG BATU SAWAR, TEMERLOH, PAHANG

Program Santuni Madani Perbadanan Putrajaya (PPj) Siri 1 di Kampung Batu Sawar, Temerloh, Pahang telah berlangsung dengan jayanya pada 18 dan 19 Mei 2026.

Pelaksanaan Program Santuni Madani (Satu Pemimpin Satu Kampung) ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan potensi kampung dan keupayaan masyarakat melalui pemantaun secara langsung serta libat urus bagi mengenal pasti masalah sosioekonomi dan keperluan kampung tersebut.

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan untuk program selama dua hari ini seperti gotong-royong di Masjid Batu Sawar, aktiviti bersama murid Sekolah Kebangsaan Batu Sawar dan penyerahan sumbangan. Penyerahan sumbangan disampaikan kepada Sekolah Kebangsaan Batu Sawar, Perpustakaan Desa Batu Sawar dan Masjid Batu Sawar dan telah

disempurnakan oleh YBhg.Dato' Haji Mohd Sakeri bin Abdul Kadir, Presiden PPj yang merupakan anak kelahiran Kampung Batu Sawar, Temerloh.



Program penanaman pokok di Masjid Batu Sawar juga turut disempurnakan oleh YB. Dato' Sri Haji Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Kementerian Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang bersama YH Dato' Khairur Rizal bin Ramli, Pegawai Daerah Temerloh dan YBhg. Dato' Presiden PPj.



Program Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA) Pengurusan Tertinggi Perbadanan Putrajaya

Perbadanan Putrajaya (PPj) terus komited memperkukuhkan agenda integriti dan tadbir urus melalui penganjuran Program Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA) oleh Seksyen Integriti PPj.

Program ini merupakan manifestasi sokongan terhadap Nota Kerjasama antara Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam usaha membanteras rasuah. MPGIA Kumpulan Pengurusan dan Profesional PPj telah diadakan selama 2 hari pada 8 dan 9 Jun 2026 di Marina Putrajaya.

Program ini bertujuan memberi pendedahan mengenai isu serta dasar semasa berkaitan integriti, tadbir urus dan antirasuah. Ia juga memperkukuh kefahaman serta komitmen warga kerja PPj dalam memastikan budaya integriti terus diperkasa. Program ini adalah kerjasama dengan Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM.





Lawatan YB Hannah Yeoh Ke Kompleks Perkuburan Putrajaya

YB Hannah Yeoh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) telah mengadakan lawatan ke Kompleks Perkuburan dan Pusara Negara yang terletak di Taman Selatan, Presint 20 Putrajaya. Lawatan ini bertujuan meninjau fasiliti serta kesediaan perkhidmatan pengebumian untuk penduduk. Lawatan merangkumi fasiliti bersepadu yang lengkap untuk masyarakat Islam dan bukan Islam yang diselia oleh Perbadanan Putrajaya.

Tanah Perkuburan ini merupakan fasiliti pengebumian moden dan terancang yang disediakan bagi memenuhi keperluan penduduk yang dilengkapi dengan kemudahan lengkap untuk masyarakat Islam dan bukan Islam serta pelbagai fasiliti sokongan khusus untuk penduduk di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Turut hadir YBhg. Dato' Haji Mohd Sakeri bin Abdul Kadir - Presiden Perbadanan Putrajaya, YBrs. Tuan Nasaruddin Abdul Muttalib - Timb. Ketua Setiausaha (Pengurusan), JPM dan YBhg. Datuk Rozainor Ramli - Ketua Pegawai Istiadat Kerajaan, Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Atarabangsa, JPM.





KUNJUNGAN HORMAT KETUA PROTOKOL KEMENTERIAN LUAR NEGERI KE PPj

PPj komited untuk terus bekerjasama rapat dengan Kementerian Luar Negeri dalam memastikan pembangunan dan pengurusan kawasan diplomatik dilaksanakan secara terancang, kondusif dan selaras dengan imej Malaysia di persada antarabangsa.

Perbadanan Putrajaya (PPj) amat berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada Yang Berusaha Ambassador Ikram Mohd Ibrahim, Ketua Protokol, Jabatan Protokol dan Konsular, Kementerian Luar Negeri Malaysia bersama delegasi.

Kunjungan ini mencerminkan hubungan kerjasama erat antara Perbadanan Putrajaya dan Kementerian Luar Negeri dalam memperkukuh peranan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran kerajaan persekutuan serta hab diplomatik negara yang moden, tersusun dan bertaraf antarabangsa.

Sehingga kini, sebanyak 25 negara telah memiliki lot kedutaan di Putrajaya. Kehadiran komuniti diplomatik antarabangsa ini membuktikan keyakinan negara-negara luar terhadap perancangan dan pembangunan Putrajaya sebagai kawasan diplomatik strategik negara.

Kementerian Luar Negeri Malaysia memainkan peranan penting sebagai peneraju hubungan diplomatik negara termasuk dalam urusan penyelarasan, protokol, hubungan dua hala serta kerjasama bersama negara-negara asing yang mempunyai kedutaan di Putrajaya.



Program Tinjauan Mesra YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri



YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Puan Hannah Yeoh telah mengadakan Tinjauan Mesra ke Medan Selera Presint 9, Putrajaya.

Seramai 244 peniaga Putrajaya yang beroperasi di medan selera, kios penjaja dan pasar milik Perbadanan Putrajaya mendapat berita baik apabila dapat menikmati diskaun sewa 30% bermula 1 Jun 2026 hingga 31 Mei 2027 bagi membantu mengurangkan beban operasi peniaga kecil.

Dalam program ini YB Menteri turut menggalakkan pelaksanaan inisiatif kurang gula dalam penyediaan makanan atau minuman, Putrajaya Bebas Plastik Sekali Guna serta pemberian diskaun khas kepada warga emas di Medan Selera Presint 9 telah bersetuju menawarkan diskaun 10% hingga 15% kepada pelanggan warga emas.





Car Free Day Putrajaya Edisi Mei 2026

Tarik 5,000 Peserta

Program Car Free Day Putrajaya Edisi Mei 2026 pada 10 Mei 2026 sempena sambutan Hari Ibu telah berlangsung meriah dengan penyertaan kira-kira 5,000 peserta terdiri daripada warga Putrajaya serta pengunjung dari pelbagai kawasan sekitar.

Program anjuran bersama Perbadanan Putrajaya dan Persatuan Alumni UiTM Perlis ini turut menampilkan aktiviti Putrajaya Brisk Walk sebagai usaha membudayakan gaya hidup sihat dan aktif dalam kalangan masyarakat. Majlis pelepasan peserta telah disempurnakan oleh YBr. Tuan Nasaruddin bin Abdul Muttalib bersama YBhg. Dato' Haji Mohd Sakeri bin Abdul Kadir, YBhg. Dato' Dr. Redzuan serta Pak Hendra P. Iskandar.

Pelbagai aktiviti riadah dan kekeluargaan turut diadakan sepanjang program antaranya street soccer, badminton, inline skate, pickleball dan pound fitness yang berjaya menarik penyertaan pelbagai lapisan umur. Penganjuran program ini diharap dapat terus memperkukuh semangat komuniti, mengeratkan hubungan kekeluargaan serta menyokong aspirasi bandar rendah karbon dan gaya hidup lestari di Putrajaya.



12000 Peserta Meriahkan PERKESO Run & Ride 2026

Lebih 12,000 peserta membanjiri Dataran Wawasan, Putrajaya sempena PERKESO Run & Ride 2026 pada 17 Mei 2026. Program ini diadakan bersempena sambutan Hari Pekerja untuk mempromosikan gaya hidup sihat.

Untuk edisi penganjuran kali ini menyaksikan lebih 30 peratus peserta terdiri daripada golongan berusia 40 hingga 50 tahun. Komuniti OKU juga turut memeriahkan acara dengan semangat yang cukup luar biasa.

Peserta berbasikal yang perlu berkayuh sejauh 35 KM dilepaskan pada kira-kira jam 7 pagi sebelum diikuti para pelari bagi kategori 12, 6 dan 3 KM.

Timbalan Menteri KESUMA, Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan telah merasmikan program ini. Hadir sama adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Antarabangsa) KESUMA yang menanggung tugas Ketua Setiausaha KESUMA, Dr. Shaharin Umar; Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Rahimi Ismail; Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KESUMA, Sutekno Ahmad Belon; serta Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal; Pengerusi Lembaga Pusat Rehabilitasi PERKESO, Dr. Helmy Nadine Haja Mydin, Presiden Perbadanan Putrajaya; YBhg. Dato' Haji Mohd Sakeri Abdul Kadir.



Acara kemuncak adalah cabutan bertuah dengan hadiah utama berupa sebuah Proton Saga terbaru. Turut ditawarkan sebagai hadiah untuk cabutan bertuah ini adalah berupa motosikal, basikal, serta barangan elektronik.

